

aab

Mahathir-Ghafar (dgn gambar)
DR MAHATHIR SAHKAN GHAFAR BERCUTI
(I)

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan yang timbalannya Encik Ghafar Baba telah mengambil cuti tetapi "tidak lama".

"Beliau telah diberi cuti, tapi beliau akan berada dalam negeri," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan penandatanganan memorandum persefahaman antara Diversified Resources Berhad (DRB) dengan Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) di sini beliau, bagaimanapun, enggan menyatakan berapa lama Ghafar bercuti.

"Hanya bagi tempoh yang beliau layak saja. Tidak lama," ujar Dr Mahathir bila terus ditanya berapa lama Ghafar bercuti.

Beliau diminta mengesahkan laporan akhbar hari ini yang menyatakan Ghafar telah bercuti mulai semalam. - lagi.

JO MSZ RS

▼16/09/20-27MST

CNS0547

U GB 16-09 00147 BH458

aab

Mahathir-Ghafar 2 Kuala Lumpur

Diminta mengulas kenyataan ketua Wanita UMNO Datuk Seri Rafidah Aziz Selasa lalu yang Ghafar tidak harus didesak berundur dari pertandingan untuk jawatan timbalan presiden parti, Perdana Menteri berkata setiap orang harus bebas membuat keputusannya sendiri.

"Saya fikir tidak harus ada tekanan ke atas sesiapa," ujar beliau.

Rafidah dilaporkan berkata bahawa para anggota UMNO haruslah memberi peluang kepada Ghafar membuat keputusannya sendiri tanpa desakan atau tekanan dari mana-mana pihak dan bahawa beliau akan dapat membuat keputusan yang wajar jika dibiarkan sendiri.

Mengenai dakwaan yang Ghafar telah disalah lapor oleh akhbar dan juga pengalamannya (Dr Mahathir) sendiri yang disalah lapor, dengan berseloroh Perdana Menteri berkata: "Mungkin kita patut menutup semua surat khabar kerana mereka memutar belit ... khususnya Far Eastern Economic Review yang tidak pernah melaporkan sesuatu yang baik mengenai Malaysia." -- lagi.

▼16/09/20-43MST

CNS0554

U GB 16-09 00113 BH459

aab

Mahathir-Ghafar 3 (akhir) Kuala Lumpur

Terdahulu, ditanya oleh wartawan asing bila Malaysia akan menugaskan askarnya ke Bosnia, Dr Mahathir berkata 1,700 anggota dan pegawai akan berada di sana pada November.

Katanya, negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) lembab bertindak terhadap keadaan di Bosnia oleh kerana pertubuhan itu menjangka kuasa-kuasa Barat dan NATO akan bertindak segera berasaskan respon mereka terhadap Iraq semasa Perang Teluk.

"Tetapi kali ini (kita) kecewa," kata beliau, dan menegaskan sekalipun agak lewat sedikit, Malaysia bersama segelintir negara anggota OIC yang lain akan menghantar pasukan ke Bosnia di bawah misi penyeliaan damai Bangsa-bangsa Bersatu. - Bernama.

JO MSZ RS

▼16/09/20-52MST